

Yong Yoon Li, Royal Selangor



Mewarisi dan mengendalikan perniagaan keluarga Royal Selangor yang wujud selama 133 tahun, Yong Yoon Li memastikan jenama piuter tempatan ini kekal relevan mengikut rekaan arus semasa dan trend terkini. Koleksi piuter Royal Selangor merangkumi arca seni, peralatan makan dan minum, aksesori cutlery, aksesori dekor, alat tulis dan fesyen. Kolaborasi dengan nama-nama besar seperti William Morris, Jamy Yang, Marvel dan Victoria & Albert Museum membawa jenama ini ke mata dunia.



Farah Azizan & Adela Askandar

Pasukan duo wanita yang berlatar belakangkan seni bina ini mengasaskan Studio Bikin bertapak di Kuala Lumpur pada 2012. Studio Bikin merancang dan melaksanakan projek reka bentuk termasuk seni bina, rekaan ruang pejabat, ruang komersil sehingga kediaman persendirian dan reka bentuk perabot (Kedai Bikin). Malah, mereka turut membina platform untuk pereka-pereka ASEAN berbakat yang mahu mengetengah produk ciptaan di Kedai Bikin.



"Inspirasi kami, persekitaran setempat seperti perabot pasar malam – kerusi rotan; perkara yang dilihat biasa namun diberi kemasan dan peningkatan reka bentuk menjadi lebih dari apa yang mereka pernah dilihat,"